

05 NOV 2002

SNAP-Zahir

KEDUDUKAN EMPAT ANGGOTA PARLIMEN SNAP TIDAK TERJEJAS

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Kedudukan empat anggota Parlimen dari Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) sebagai wakil rakyat tidak terjejas walaupun parti itu dibatalkan pendaftarannya hari ini, kata Speaker Dewan Rakyat Tun Dr Mohamed Zahir Ismail.

Empat anggota itu ialah Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Dr Tiki Lafe (Mas Gading), Datuk Seri Peter Tinggom Anak Kamarau (Saratok), Jacob Dungau Sagan (Baram) dan Datuk Seri Tiong King Sing (Bintulu).

"Apabila seseorang itu menang (pilihan raya), dia akan terus menjadi ahli Parlimen selama satu penggal sehingga tiba pilihan raya yang lain. Kedudukannya tidak terjejas (berikutan apa yang berlaku pada parti politiknya) melainkan jika dia hilang kelayakan dan melanggar peruntukan Perlembagaan Persekutuan," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Beliau berkata yang bertanding semasa pilihan raya adalah individu dan parti hanyalah sekadar simbol kepada pengundi untuk memudahkan mereka memilih wakil mereka.

Dr Mohamed Zahir diminta mengulas mengenai kedudukan empat anggota Parlimen SNAP, sebuah daripada empat parti komponen Barisan Nasional (BN) yang memerintah di Sarawak, yang dibatalkan pendaftarannya kerana gagal menyelesaikan krisis kepimpinannya.

Beliau berkata kedudukan mereka sebagai anggota Parlimen BN juga kekal melainkan jika mereka mengisytiharkan keluar daripada BN dan menyertai pembangkang.

Mengenai kedudukan Tiki sebagai Timbalan Menteri, Dr Mohamed Zahir berkata ia adalah hak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menentukannya.

"Walaupun seseorang itu (MP) bebas tapi kalau Perdana Menteri masih mahu beliau terus menjalankan tugasnya... kedudukan beliau tidak berubah," katanya.

Sementara itu, Peter Tinggom enggan membuat sebarang kenyataan apabila diminta mengulas perkembangan terbaru SNAP itu.

"Macam mana saya mahu komen, saya belum tahu apa-apa," katanya ketika ditanya mengenai pembatalan pendaftaran SNAP yang diumumkan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia Datuk Ismail Dolah Harun.

-- BERNAMA

HS HS NMO